

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ  
BIN TUN DR. MAHATHIR [ JERLUN ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jelaskan adakah benar Kerajaan negeri tiada kuasa untuk membuat apa-apa ketetapan tambahan untuk mengawal penularan wabak COVID-19, dan hanya Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan sahaja yang bertanggungjawab untuk mengatasinya.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Semua tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha menangani penularan wabak COVID-19 ini telah dilaksanakan di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Akta 342 ini telah memperuntukkan kuasa kepada Menteri Kesihatan dan Ketua Pengarah Kesihatan. Sehubungan itu, semua tindakan yang diambil diperingkat negeri juga perlu merujuk kepada tindakan-tindakan yang diputuskan di peringkat Persekutuan kerana ianya bersandarkan kepada Akta 342 tersebut.

2. Namun begitu, Kerajaan Persekutuan tetap memberikan kerjasama dengan Kerajaan Negeri sekiranya terdapat cadangan bagi langkah-langkah dan tindakan yang bersesuaian yang perlu dilaksanakan di peringkat negeri masing-masing. Kerajaan Negeri turut dijemput untuk memberikan pandangan dan mengutarakan isu-isu berbangkit di dalam Mesyuarat Teknikal Pelaksanaan PKP yang dipengerusikan oleh Menteri Kanan Keselamatan atau Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara Berkaitan Pengurusan COVID-19 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sekiranya ada tindakan-tindakan yang hendak diambil yang membabitkan negeri-negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.